

BAB III

PEMBINAAN DAN ASPEK FIZIKAL RUMAH

3.0 PENGENALAN

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab dua, KABD merupakan pusat pemerintahan, ekonomi dan petempatan bagi Kesultanan Brunei sebelum abad ke-20. Hingga ke hari ini kampung-kampung air yang lebih kecil dan terletak berhampiran KABD seperti di daerah Limbang dan Lawas terus mengikuti perkembangan rumah-rumah yang terdapat di KABD. Hal ini dapat dilihat kepada rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK sama ada dari segi saiz, bahan binaan, senibina dan rekabentuknya yang lebih mirip kepada rumah-rumah tradisi masyarakat Melayu Brunei di KABD.

Orang-orang Melayu Brunei KSK masih menganggap KABD sebagai petempatan pusat kerana lokasi kampung air itu terletak bertentangan dengan Bandar Seri Begawan. Tanggapan ini dikuatkan lagi dengan adanya usaha membangun dan memajukan KABD yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Usaha tersebut menjadikan rumah-rumah tradisi di KABD dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas sebagaimana rumah-rumah di darat. Keadaan ini menyebabkan ciri rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei KABD terus menjadi ikutan orang-orang Melayu Brunei KSK.

Pengaruh rumah-rumah tradisi Melayu Brunei di KABD terhadap rumah orang-orang Melayu Brunei KSK juga disebabkan ikatan persaudaraan yang terjalin antara penduduk di kedua kampung air itu. Sewaktu orang-orang Melayu Brunei KSK membangun rumah, saudara-mara mereka dari KABD turut membantu dalam kerja-kerja gotong-royong mendirikan rumah tersebut. Pada lazimnya, saudara-mara yang terlibat akan memberi sumbangan idea, pandangan, nasihat dan tunjuk ajar kepada tuan rumah berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaan rumah.

Perkongsian idea, pandangan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberi tidak terbatas kepada aspek-aspek fizikal rumah, malah melibatkan adat dan kepercayaan semasa mendirikan rumah. Perkara ini bermula dari peringkat memilih tapak rumah sehingga berpindah ke rumah baru. Dengan yang demikian, adat dan kepercayaan orang-orang Melayu Brunei KSK dalam upacara membangun rumah menyerupai adat dan kepercayaan yang dipraktikkan oleh orang-orang Melayu Brunei KABD. Perlu dijelaskan, orang-orang Melayu Brunei KSK sebenarnya mempraktikkan adat dan kepercayaan dalam membina rumah yang diwarisi secara turun-temurun dari kaum keluarga mereka di KABD semenjak daerah Limbang di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei lagi.

Penulisan dalam bab ini akan membincangkan secara khusus aspek fizikal rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK. Perbincangan yang diutarakan terlebih dahulu menghuraikan tentang

taraf pemilikan rumah; adat dan kepercayaan dalam membina rumah; dan cara pembinaan rumah dilakukan. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK, perbincangan yang seterusnya akan meneliti aspek bahan binaan, saiz, senibina dan rekabentuk rumah-rumah di kampung air itu.

3.1 TARAF PEMILIKAN RUMAH

Orang-orang Melayu Brunei KSK, sebilangan besar daripada mereka telah berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri. Ini dapat dilihat melalui taraf pemilikan rumah ketua-ketua keluarga di KSK sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.0. Sebanyak 68.7% ketua keluarga telah memiliki rumah sendiri. Manakala selebihnya 19.3% tinggal di rumah ibu bapa, 7.3% tinggal di rumah ibu bapa mentua, 4.0% tinggal di rumah saudara-mara dan 0.7% tinggal di rumah sewa.

Rumah-rumah yang bertaraf hak milik sendiri, sebilangan besarnya dibina oleh tuan rumah tersebut. Ini terbukti apabila didapati sebanyak 55.3% ketua keluarga di KSK memperoleh rumah dengan cara membina sendiri rumah mereka. Selain itu, rumah-rumah bertaraf hak milik sendiri juga diperoleh daripada warisan orang tua (9.3%), dibeli daripada saudara-mara yang berpindah ke KABD (2.7%), pemberian saudara-mara yang berpindah ke tempat-tempat lain di daerah Limbang (0.7%) dan pemberian saudara-mara yang berpindah ke KABD (0.7%).

Jadual 3.0: Taraf Pemilikan dan Cara Mendapatkan Rumah

Cara Mendapatkan Rumah	Taraf Pemilikan					Jum.	%
	S	IB	IBM	RS	SM		
Bina Sendiri	83	0	0	0	0	83	55.3
Tinggal Di Rumah Ibu Bapa	0	29	0	0	0	29	19.3
Warisan Orang Tua	14	0	0	0	0	14	9.3
Tinggal Di Rumah Ibu Bapa Mentua	0	0	11	0	0	11	7.3
Tinggal Di Rumah Saudara-mara	0	0	0	0	6	6	4.0
Beli Dari Saudara-mara Di Brunei	4	0	0	0	0	4	2.7
Pemberian Saudara-mara Di Limbang	1	0	0	0	0	1	0.7
Pemberian Saudara-mara Di Brunei	1	0	0	0	0	1	0.7
Sewa Dengan Saudara-mara Di Limbang	0	0	0	1	0	1	0.7
Jumlah	103	29	11	1	6	150	100
Peratus	68.7	19.3	7.3	0.7	4	100	-

S = Sendiri
 IB = Ibu Bapa
 IBM = Ibu Bapa Mentua

RS = Rumah Sewa
 SM = Saudara-mara

Bagi orang-orang Melayu Brunei yang tinggal di rumah ibu bapa, ibu bapa mentua atau saudara-mara, mereka merupakan pasangan yang belum lama mendirikan rumahtangga. Pasangan baru ini kebiasaannya akan tinggal bersama ibu bapa, ibu bapa mentua atau saudara-mara bagi tempoh beberapa tahun sehingga mereka mempunyai modal yang cukup untuk memiliki rumah sendiri. Tinggal bersama ibu bapa, ibu bapa mentua atau saudara-mara selepas berkahwin merupakan tradisi yang telah lama dilakukan oleh penduduk kampung-kampung air. Ini merupakan satu faktor yang akan menentukan saiz rumah di kampung air.

Di KABD, perkara tersebut telah pun dijelaskan oleh Aisah Sahdan:

“Penempatan berdasarkan perkahwinan pula ialah apabila pasangan yang baru berkahwin akan tinggal bersama keluarga atau ibu bapa mereka, tetapi akan membina rumah sendiri yang biasanya berdekatan dengan rumah orang tua selepas satu atau dua tahun berkahwin.”¹

Terdapat juga sebilangan pasangan yang berkahwin akan terus tinggal di rumah ibu bapa atau ibu bapa mentua walaupun mereka sudah berkemampuan untuk mendirikan rumah sendiri. Ini kerana pasangan tersebut merupakan anak-anak yang bakal mewarisi rumah tersebut. Pasangan ini juga bertanggungjawab untuk menjaga ibu bapa atau ibu bapa mentua mereka yang sudah tua atau uzur. Rumah berkenaan akan menjadi hak milik mereka sebaik sahaja ibu bapa atau ibu bapa mentua meninggal dunia.

3.2 ADAT DAN KEPERCAYAAN MEMBINA RUMAH

Rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK (91.3%) dari segi pembinaannya masih lagi mempraktikkan adat dan kepercayaan sebagaimana rumah orang-orang Melayu Brunei di KABD. Adat dan kepercayaan dalam membina rumah dipraktikkan terutamanya semasa hendak mencari tapak rumah; menentukan bulan, hari dan waktu yang sesuai untuk mendirikan rumah; dan melakukan gotong-royong semasa mendirikan rumah. Penjelasan tentang adat dan kepercayaan orang-orang Melayu Brunei KSK berhubung perkara-perkara tersebut dihuraikan dalam tajuk-tajuk kecil di bawah.

3.2.0 Mencari Tapak Rumah

Orang-orang Melayu Brunei KSK mempunyai cara-cara tertentu dalam mencari tapak yang sesuai untuk didirikan rumah. Kawasan tapak rumah yang dikenalpasti perlu diperiksa dan dikaji dengan teliti dari segi lokasi, keluasan dan paras air pasang dan surut. Perkara ini dilakukan dengan tujuan untuk mengelakkan rumah baru yang dibina daripada mengalami kerosakan terlalu awal akibat ketidaksesuaian kawasan tapak rumah yang dipilih. Umpamanya membina rumah di kawasan yang agak jauh dari tebing sungai dan mempunyai dasar berkedalaman lebih enam kaki boleh mengakibatkan rumah yang dibina condong dalam masa beberapa tahun selepas pembinaannya.² Di kawasan tersebut biasanya arus sungai lebih

deras dan ini boleh mendatangkan bahaya kepada rumah malah penghuninya.³

Dalam hal mencari tapak rumah, bakal tuan rumah terlebih dahulu mendapatkan pandangan dan nasihat orang-orang tua serta saudara-mara yang berpengalaman. Pandangan dan nasihat daripada golongan tersebut sangat dipentingkan bagi memastikan pemilihan kawasan tapak rumah yang dibuat adalah bersesuaian dengan masa pasang surut air;⁴ tidak melanggar adat dan pantang larang; dan yang lebih penting berdekatan dengan rumah kedua ibu bapa.⁵ Dalam masyarakat Melayu Brunei sama ada di KSK atau KABD tapak rumah yang baik akan diwariskan kepada anak cucu mereka.⁶

Orang-orang Melayu Brunei KSK, memilih kawasan yang lapang di tebing sungai utama (bukan anak sungai) untuk dijadikan tapak rumah. Kawasan tebing sungai yang dipilih mempunyai paras air pasang tidak melebihi enam kaki. Tapak rumah juga tidak berhadapan dengan kawasan lembah di antara dua buah bukit. Mengikut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, kawasan tersebut dipercayai menjadi tempat laluan jin dan orang halus. Jika rumah didirikan di kawasan tersebut, ia akan menjadi penghalang kepada laluan berkenaan. Ini menyebabkan tuan rumah sering diganggu jin atau orang halus dan kerap mendapat sakit.⁷

Sebaik sahaja kawasan tapak rumah yang menepati ciri-ciri yang dikehendaki ditemui, ia akan ditandakan dengan 'pancang'.

Pancang digunakan dengan tujuan untuk memberitahu orang ramai bahawa kawasan tapak rumah tersebut telah ada pemiliknya. Pancang dipacak di setiap penjuru dan tepi kawasan yang telah dipilih. Bilangan pancang yang digunakan adalah sebanyak 12 hingga 16 batang. Kebiasaannya pancang terdiri daripada kayu bakau atau pucuk daun nipah yang berukuran kira-kira 12 kaki panjang.⁸ Ukuran panjang sedemikian diperlukan supaya pancang tersebut sentiasa kelihatan walaupun pada masa air sungai pasang.

Perlu dijelaskan, bagi orang-orang dari kampung-kampung air lain yang hendak mendirikan rumah di KSK, mereka perlu membuat permohonan bertulis terlebih dahulu kepada Ketua Kampung. Dalam surat permohonan tersebut perlu menyatakan persetujuan bakal jiran tetangga terdekat di KSK. Ini bertujuan untuk membuktikan bahawa bakal jiran tetangga tersebut telah memberi keizinan kepada pemohon untuk mendirikan rumah baru di kawasan berhampiran rumah mereka.

Jiran tetangga yang telah bersetuju kemudian hendaklah menurunkan tandatangan mereka pada surat rasmi pemohon untuk diajukan kepada Ketua Kampung. Contoh surat permohonan membina rumah di KSK ditunjukkan dalam Lampiran 2. Menurut Ketua Kampung, peraturan tersebut diadakan supaya apa-apa masalah yang melibatkan hubungan jiran tetangga tidak timbul sebaik sahaja orang baru mendirikan rumah di KSK.⁹ Konsep keizinan jiran tetangga

menyebabkan rumah-rumah yang dibina di KSK berkelompok mengikut kaum keluarga.

Sebenarnya peraturan sedemikian telah pun digunakan lebih awal oleh orang-orang Melayu Brunei di KABD. Di bawah Pekeliling No.5/1982 yang ditetapkan oleh Pejabat Daerah Brunei Muara, pembinaan rumah di KABD perlu mematuhi tujuh peraturan penting yang digariskan dalam pekeling tersebut.¹⁰ Peraturan berkenaan dikeluarkan sebagai langkah untuk mengawal pembinaan rumah-rumah di KABD supaya tidak menjadi terlalu padat dan sesak.¹¹ Oleh kerana orang-orang Melayu Brunei KSK mempunyai perkongsian idea, pandangan, nasihat dan tunjuk ajar dari saudara-mara mereka di KABD, idea peraturan tersebut telah diimplimentasikan di KSK.

3.2.1 Menentukan Bulan

Proses menentukan bulan dilakukan untuk memilih bulan yang paling baik bagi mendirikan tiang-tiang rumah. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei di KSK, mendirikan tiang-tiang rumah pada bulan yang baik akan memberi keberkatan kepada rumah baru yang dibina. Selain itu, ia juga dilakukan dengan tujuan untuk menghindarkan keluarga tuan rumah daripada ditimpa bala atau bencana.

Kepercayaan di atas merupakan persamaan yang jelas dengan kepercayaan orang-orang Melayu Brunei di KABD. Menurut Alimin Abdul Hamid, orang-orang Melayu Brunei di KABD tidak

mendirikan rumah pada bulan-bulan tertentu yang dianggap kurang baik.

“Di antara bulan yang dianggap tidak digalakkan membangun rumah ialah bulan Muharam dan Safar. Sepanjang bulan Muharam dianggap tidak begitu sempurna jika melakukan sesuatu pekerjaan. Mengikut orang tua-tua bulan Muharam adalah bulan raja. Manakala pada satu hingga lapan Safar dianggap baik dan selepas lapan Safar hingga ‘ke pelikuran’ (hujung bulan) adalah dianggap bulan ‘nas’.”¹²

Bagi menentukan bulan-bulan baik, khidmat nasihat orang-orang tua dan saudara-mara yang berpengalaman sekali lagi diperlukan. Secara umumnya orang-orang tua atau saudara-mara yang berpengalaman dalam hal ehwal pembinaan rumah akan menentukan bulan-bulan baik dengan berpandukan ilmu dan petua-petua yang terkandung di dalam **Kitab Tajul Muluk**. Menurut Ketua Kampung, amalan tersebut sebenarnya lebih mahir dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei di KABD.¹³ Malah kebanyakan ilmu dan petua membina rumah yang dipraktikkan oleh orang-orang Melayu Brunei di KSK pada hari ini sebenarnya dipelajari dan diwarisi daripada kaum keluarga mereka di KABD.

Mengikut **Kitab Tajul Muluk**, bulan-bulan baik atau sebaliknya untuk membangunkan rumah adalah sebagaimana yang dijelaskan di bawah:

“Bermula jika mendirikan rumah pada bulan Muharam itu jadi huru-hara atau penyakit ampunya rumah itu, dan barang siapa mendirikan rumah bulan Safar nescaya banyak beroleh harta atau ilmu yang ampunya rumah itu, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Rabi’ul Awal nescaya beroleh kematian atau

rugi harta, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Rabi'ul Akhir nescaya beroleh kesukaran atau keras kesakitan, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Jamadil Awal nescaya beroleh harta dan hamba, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Jamadil Akhir nescaya beroleh penyakit atau papa, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Rejab nescaya beroleh kelahi bantah atau kesakitan, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Sya'ban nescaya beroleh kemuliaan dunia dan akhirat, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Ramadhan nescaya beroleh harta atau ilmu, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Syawal nescaya beroleh kesakitan atau tertawan dengan api rumah itu, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Zulkaedah nescaya beroleh hamba sahya atau harta atau ilmu dan sahabat, dan barang siapa mendirikan rumah pada bulan Zulhijjah nescaya beroleh yang ampunya rumah itu anugerah Allah emas dan perak dan segala binatang yang halal seperti kerbau dan lembu, kambing dan biri-biri dan beras dan padi dan hamba sekalipun."¹⁴

Berdasarkan panduan daripada **Kitab Tajul Muluk** di atas, orang-orang Melayu Brunei di KSK memilih untuk mendirikan rumah di dalam bulan-bulan yang mendatangkan kebaikan. Sama ada dalam bulan Safar, Jamadil Awal, Sya'ban, Ramadhan, Zulkaedah dan Zulhijjah. Sebagaimana orang-orang Melayu Brunei di KABD, di dalam bulan Safar mereka hanya mendirikan rumah di antara satu hingga lapan haribulan sahaja. Menurut Hj. Bongsu Mat Salleh, orang-orang Melayu Brunei di KSK juga mempercayai mendirikan rumah selepas lapan haribulan boleh mengundang bencana kepada rumah dan tuan rumah.¹⁵

Bulan-bulan baik untuk mendirikan rumah di atas sebenarnya sama dengan bulan-bulan baik yang dipilih oleh orang-

orang Melayu Brunei di KABD. Hal ini telah pun dijelaskan oleh Ismail Ibrahim:

“Waktu bermulanya bagi mendirikan tiang yang pertama ini akan dirujuk kepada haribulan Melayu dalam tahun Hijrah seperti di dalam bulan Safah [sis.], bulan Jamadil Awal, bulan Syaaban, bulan Ramadhan, bulan Dzulkeadah [sis.] dan bulan Dzulhijjah.”¹⁶

Persamaan dalam pemilihan bulan-bulan di atas terjadi kerana orang-orang Melayu Brunei di KSK dan KABD sebenarnya menggunakan panduan yang sama iaitu **Kitab Tajul Muluk**.

3.2.2 Menentukan Hari dan Waktu

Proses menentukan hari dilakukan dengan sebaik mungkin supaya majlis gotong-royong mendirikan rumah dapat dihadiri oleh lebih ramai saudara-mara dan jiran sekampung terdekat. Ini kerana pembinaan sesebuah rumah memerlukan tenaga kerja yang agak ramai terutamanya semasa gotong-royong mendirikan tiang rumah dan memasang kerangka rumah. Sebagaimana yang dilakukan ketika mencari tapak dan menentukan bulan, usaha menentukan hari juga dirujuk dan dibincangkan bersama orang-orang tua dan saudara-mara yang berpengalaman dalam mendirikan rumah.

Menurut orang-orang tua di KSK, pada kebiasaannya hari yang paling baik untuk mendirikan rumah adalah hari Khamis atau hari Ahad. Ini kerana mengikut **Kitab Tajul Muluk** hari khamis adalah serasi dengan ukuran “lidah neraca” dan “ular citamani”. Manakala hari Ahad adalah serasi dengan ukuran “harimau” dan “singa”.

Kebaikan mendirikan rumah pada hari Khamis dan Ahad mengikut ukuran-ukuran tersebut adalah seperti yang dijelaskan di bawah:

".... Ketiga ukuran singa sempurna namanya maha kebajikan bertambah-tambah rahmat dan selamat diberi Allah Ta'ala. Ketujuh ukuran (harimau pahlawan) namanya alamat tuan empunya rumah itu ditakuti oleh orang sekalian dan adalah seterusnya itu pun malu dan sopan jika jadi anak di dalam rumah itu alamat jadi hulubalang atau pendeta lagi diamankan Allah Ta'ala. Kesembilan ukuran (neraca timbangan) alamat maha sempurna kebajikan agama menjadi orang tuha daripada sama sekampung itu orang sekalian pun menurut katanya dan beroleh harta maha banyak dengan hamba sahaya itu sukacita Insya-Allah Ta'ala. Kesepuluh ukuran ular cintamani namanya terlalu baik utamanya bertambah-tambah kebajikan dan jenuh sekadak dan beroleh lagi kebesaran dan kekayaan hamba sahaya sampailah seperti serapada orang tuha-tuha beroleh hamba tiada berbayar dan beroleh harta tiada dicari sekaliannya ada datang sendiri selamat sempurna sejuk dingin dipeliharakan Allah Ta'ala akan dia."¹⁷

Pemilihan hari di atas sebenarnya selaras dengan pemilihan hari yang lumrah dilakukan oleh saudara-mara mereka di KABD.¹⁸ Mendirikan rumah sama ada pada hari Khamis atau Ahad bukan sahaja mendatangkan kebaikan, malah turut dapat dihadiri lebih ramai lagi saudara-mara mereka yang tinggal di KABD. Bagi orang-orang Melayu Brunei kedatangan saudara-mara yang ramai dapat meringankan kerja-kerja bergotong-royong dan ia merupakan satu penghormatan yang menunjukkan seseorang itu masih diingati dan disenangi oleh saudara-mara mereka.¹⁹

Usaha menentukan waktu yang sesuai bagi memulakan kerja-kerja mendirikan rumah juga dirujuk dan dibincangkan bersama

orang-orang tua dan saudara-mara yang berpengalaman. Tujuan menentukan kiraan waktu adalah supaya kerja-kerja membangun tiang rumah dapat dilakukan pada waktu yang sesuai, iaitu bermula semasa air sungai surut dan selesai sebelum air sungai pasang sepenuhnya. Kesilapan memilih waktu yang sesuai akan menyebabkan kerja-kerja mendirikan tiang rumah tergendala kerana air pasang bersama lumpur akan menutupi lubang tiang dan ukuran kedalaman tiang yang sepatutnya ditanam tidak dapat diukur dengan tepat.

Menurut Alimin Abdul Hamid, di KABD menentukan waktu yang sesuai untuk membangun rumah adalah dengan menggunakan 'kiraan saat'. Beliau menjelaskan:

".... Kiraan saat itu terbahagi dua iaitu kiraan saat bagi angka ganjil dan kiraan saat bagi angka genap. Dalam kiraan orang tua-tua, saat itu ada dua kali iaitu saat pertama dan saat kedua.

Dalam kiraan saat bagi setiap angka ganjil dalam haribulan Islam, saat pertamanya ialah pada jam 6.00 pagi dan saat keduanya pula pada jam 12.00 tengahari. Bagi setiap angka genap dalam haribulan Islam, saat pertamanya ialah pada jam 8.30 pagi dan saat keduanya pula pada 2.30 petang. Jika disaat pertama tidak sempat mendirikan tiang disebabkan keadaan air terlalu dalam, saat kedua pula diambil iaitu keadaan air sudah surut. Begitulah sebaliknya."²⁰

Di KSK, panduan menentukan waktu yang sesuai untuk mendirikan rumah juga sama sepertimana di atas. Bagaimanapun, orang-orang Melayu Brunei di KSK memilih waktu yang lebih baik untuk mendirikan rumah adalah selepas Subuh ketika air sungai telah surut sepenuhnya. Pada waktu selepas Subuh ketika air sungai pasang kerja-kerja mendirikan rumah tidak dilakukan. Menurut

penduduk KSK, keadaan cuaca yang redup pada waktu selepas Subuh membolehkan kerja-kerja mendirikan tiang rumah dilakukan dengan tenang dan lancar, malah orang ramai yang datang untuk bergotong-royong berada di dalam keadaan segar dan cukup bertenaga.

3.2.3 Gotong-royong Mendirikan Rumah

Di KSK, kerja-kerja membangun sebuah rumah baru dimulakan dengan upacara mendirikan tiang seri. Sebelum mendirikan tiang seri, secara tradisinya bahan-bahan yang terdiri daripada beras, garam kasar, asam aur-aur, lengkuas, bawang putih, bawang merah, kunyit, lada kering, lada hidup, ketapang, belacan, sedikit emas, serpihan kualiti dan benang tujuh warna akan ditanam terlebih dahulu ke dalam lubang tiang seri tersebut.²¹ Kerja menanam bahan-bahan ini dilakukan oleh bakal tuan rumah. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, bahan-bahan tersebut ditanam dengan tujuan untuk mengundang rezeki kepada keluarga yang bakal mendiami rumah baru berkenaan. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan tuan rumah dan ahli keluarganya daripada diserang penyakit atau gangguan orang halus.

Adat dan kepercayaan di atas adalah sama seperti adat dan kepercayaan orang-orang Melayu Brunei di KABD sebagaimana yang dijelaskan oleh Alimin Abdul Hamid:

“....menanam bahan tersebut adalah bagi memudahkan rezeki naik ke rumah, kerana rezeki yang ditanam itu ialah rezeki awal. Selain daripada itu ia

juga bertujuan mengelakkan daripada menghadapi penyakit yang serius dan mengelakkan daripada gangguan orang halus. Menurut kepercayaan, orang halus tidak berani dekat dengan rumah yang ada menyimpan pecahan kualiti, kerana pada anggapan orang halus itu bahawa penghuni dalam rumah itu orang yang kuat sehingga boleh memecahkan kualiti."²²

Sebaik sahaja upacara adat menanam bahan-bahan di atas selesai, tiang seri yang merupakan tiang utama akan diangkat secara bergotong-royong di kalangan ahli keluarga terdekat. Selain sebagai amalan "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" upacara mendirikan tiang seri secara bergotong-royong adalah bertujuan untuk mengambil berkat daripada orang-orang tua yang sudah berpengalaman dalam menjalani kehidupan berumahtangga.²³

Sebelum didirikan, bahagian hujung tiang seri tersebut dihalakan ke arah matahari terbit kemudian dibangunkan secara perlahan-lahan menuju ke arah matahari terbenam atau arah Kiblat. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, menanam tiang seri tidak boleh terbalik dari segi pemilihan kepala dan hujung tiang. Bahagian yang akan ditanam adalah kepala tiang seri berkenaan. Ini kerana ia ditanam mengikut resmi sebatang pokok yang akan hidup mengeluarkan daun dan berbuah. Menanam tiang seri dengan cara yang betul sepertimana menanam sebatang pokok dipercayai memberikan rezeki yang banyak kepada keluarga tuan rumah.


Setelah tiang seri didirikan dan berada pada kedudukan yang stabil, bahagian permukaan hujung tiang seri tersebut dilapisi dengan kain tujuh warna. Sesudah itu, salah seorang haji, tok imam

atau orang-orang tua yang berpengaruh akan membacakan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. diikuti dengan doa selamat untuk kesejahteraan tuan rumah. Selepas upacara membaca doa selamat selesai, orang ramai yang bergotong-royong akan berhenti rehat sambil menikmati juadah yang disediakan oleh tuan rumah.

Setelah gotong-royong mendirikan tiang pertama di atas selesai dilakukan, kerja-kerja mendirikan tiang kedua, ketiga dan keempat dibina sepuluh hari kemudian. Seterusnya tiang kelima dan keenam didirikan di ruang rumah yang dipanggil penyawahan (nyawa) rumah.²⁴ Pada waktu-waktu lapang didirikan pula tiang-tiang lain.

Setelah keseluruhan tiang rumah didirikan, kerja memasang kerangka rumah yang terdiri daripada penyucuk, gelegar, bandul, tutup, tulang bubung, buaya-buaya, sampaian, suga-suga, kasau, dampar-dampar, papilis, jejanang pintu dan jejanang tingkap dilakukan secara berperingkat-peringkat.²⁵ Gambar Rajah 3.0 menunjukkan kedudukan bahagian-bahagian kerangka rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei. Setelah kerangka rumah siap dipasang, kerja-kerja mengatap, melantai, mendinding, memasang daun pintu, memasang tingkap, membuat bahagian serambi, pantaran dan tangga juga dibuat secara berperingkat-peringkat. Perlu dijelaskan, kerja-kerja gotong-royong di kalangan orang-orang Melayu Brunei KSK kebiasaannya dilakukan sehingga ke peringkat memasang atap rumah sahaja. Dari segi masa, lazimnya kerja-kerja gotong-royong

Gambar Rajah 3.0: Kedudukan Bahagian-bahagian Kerangka Rumah Tradisi Orang-orang Melayu Brunei



Sumber: Disusun semula daripada Hj. Asri Hj. Putih dan Abdul Munap Hj. Jumahat, "Teknologi Melayu Brunei: Sambung Kayu Dalam Pembinaan Rumah dan Hubungannya Dengan Kepercayaan", dalam Beriga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, Bil. 66, Januari-Mac 2000, hal. 72.

mendirikan tiang dan memasang kerangka rumah tersebut dilakukan sekurang-kurangnya selama sebulan.

Rumah-rumah lama di KSK milik generasi tua yang berpegang teguh kepada petua-petua dan amalan-amalan tertentu dalam pembinaan rumah mengamalkan seratus peratus adat dan tradisi sebagaimana dijelaskan di atas. Walau bagaimanapun rumah-rumah baru yang didiami oleh generasi muda hanya mengamalkan sebahagian kecil sahaja. Dengan demikian, rumah-rumah lama mempunyai ciri-ciri rumah KABD yang lebih jelas manakala rumah-rumah baru adalah sebaliknya.

3.2.4 Adat Berpindah Ke Rumah Baru

Sebaik sahaja rumah baru siap dibina dan sedia untuk dihuni, perkara pertama yang harus dilakukan adalah memilih hari dan masa yang sesuai untuk mengadakan upacara berpindah ke rumah baru tersebut. Orang-orang Melayu Brunei KSK akan memilih hari Jumaat sebagai hari yang paling sesuai untuk berpindah rumah. Ini kerana dalam kalendar Islam, hari Jumaat adalah penghulu segala hari dan upacara berpindah rumah pada hari tersebut adalah dianggap lebih berkat (barakah).

Berpindah ke rumah baru biasanya dilakukan oleh tuan rumah dan ahli keluarganya pada waktu petang. Ini kerana pada waktu pagi mereka melakukan pekerjaan masing-masing. Pada waktu sebelah malam, dengan dibantu oleh saudara-mara terdekat tuan

rumah akan mengadakan majlis kenduri doa selamat atau majlis berzikir di rumah baru tersebut. Majlis kenduri dilakukan bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan keberkatan kepada rumah baru tersebut tetapi juga untuk menghormati saudara-mara dan jiran sekampung dengan menjemput mereka ke majlis kenduri yang diadakan.

Selain itu, tuan rumah yang baru berpindah mestilah tidur di rumah barunya selama tiga hari berturut-turut. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei KSK, perkara ini dilakukan dengan tujuan untuk menghindarkan rumah daripada dimasuki hantu atau syaitan. Selain itu, ia juga bertujuan menghindarkan tuan rumah daripada ditimpa kesusahan sebaik sahaja tinggal di rumah baru tersebut. Bagi saudara-mara yang menginap di rumah baru berkenaan untuk kali pertama mereka juga perlu berbuat demikian. Jika tidak, tuan rumah dan ahli keluarganya juga akan mendapat kesusahan.

Adat dan kepercayaan orang-orang Melayu Brunei KSK semasa berpindah ke rumah baru di atas adalah sama sebagaimana adat dan kepercayaan saudara-mara mereka di KABD. Menurut Alimin Abdul Hamid:

“Dalam masyarakat Melayu biasanya sebelum mendiami atau berpindah ke rumah baru akan diadakan majlis dikir dan doa selamat serta jamuan dengan menjemput saudara-mara, sahabat-handai dan jiran sekampung. Dalam hubungan ini bagi mereka yang meniduri rumah yang baru dipindah hendaklah mencukupkan selama tiga hari berturut-turut.”²⁶

Mengikut adat orang-orang Melayu Brunei, saudara-mara yang hadir ke majlis kenduri di rumah orang yang baru berpindah

secara tradisi membawa buah tangan yang berbentuk wang ringgit.

Hal ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Ismail Ibrahim:

.... "Setelah tiba waktu yang ditetapkan, sanak-saudara atau sahabat-handai akan berkunjung ke rumah tersebut serta membawa buah tangan yang berupa wang untuk diberikan kepada tuan punya sebagai sagu hati."²⁷

Sumbangan wang ringgit tersebut bertujuan untuk meringankan beban saudara-mara yang baru sahaja membina rumah dan menjalani kehidupan berkeluarga sendiri. Ini menunjukkan budaya kesepakatan dan tolong-menolong di kalangan orang-orang Melayu Brunei di KSK dan KABD masih kuat diamalkan hingga ke hari ini.

3.3 PEMBINAAN RUMAH

Rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK dari segi pembinaannya dapat dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, rumah-rumah yang dibina secara berperingkat-peringkat iaitu sebanyak 92.3%. Kedua, rumah-rumah yang dibina secara sekaligus sebanyak 4.8%. Ketiga, rumah-rumah yang telah siap dibina semasa dibeli oleh tuan rumah tersebut sebanyak 2.9%. Perangkaan bagi pembinaan rumah-rumah di KSK dapat dilihat dalam Jadual 3.1.

Peratusan di atas menunjukkan majoriti rumah di KSK mengambil masa yang lama dari segi pembinaannya untuk siap sebagai sebuah rumah seperti yang dapat dilihat pada masa kini. Menurut Hj. Kassim Matali²⁸, sebuah rumah yang dibina secara

Jadual 3.1: Cara Pembinaan Rumah

Bagaimana Pembinaan Rumah Dilakukan	Pembinaan Rumah			Jumlah	Peratus
	BSG	BPP	BSD		
GR dan BS	0	45	0	45	43.3
GR, BS dan UO/K	0	42	0	42	40.4
GR dan UO/K	2	7	0	9	8.7
UO/K	2	1	0	3	2.9
BSD	0	0	3	3	2.9
BS dan UO/K	0	1	0	1	1.0
TDRS	0	0	0	1	1.0
Jumlah	5	96	3	104*	100
Peratus	5.8	92.3	2.9	100	-

* Jumlah ini adalah setelah ditolak seramai 29 orang yang tinggal di rumah ibu bapa, 11 orang rumah ibu bapa mentua dan 6 orang rumah saudara-mara

BSG	=	Bina Sekaligus	GR	=	Gotong-royong
BPP	=	Bina Berperingkat-peringkat	BS	=	Bina Sendiri
BSD	=	Belitelah Slap Dibina	UO/K	=	Upah Orang/Kontrak
TDRS	=	Tinggal Di Rumah Sewa			

berperingkat-peringkat akan mengambil masa selama tiga hingga sepuluh tahun untuk menjadi sebuah rumah yang lengkap.

Pembinaan sebuah rumah secara berperingkat-peringkat bermula dari bahagian rumah ibu yang terdiri daripada bahagian ruang tamu, bahagian dapur dan bilik tidur. Bahagian-bahagian lain seperti bilik tidur tambahan, bilik rehat, bilik stor, serambi dan pantaran dibina kemudian. Pembinaan bahagian-bahagian tersebut dilakukan satu demi satu mengikut kemampuan tuan rumah terutamanya dari segi modal.

Pada kebiasaannya, penambahan bahagian-bahagian rumah atau ubahsuai dilakukan dengan tujuan sama ada untuk mencantikkan lagi rumah tersebut, menambah bilangan bilik atau membesarkan saiz rumah. Selain daripada itu, rumah diubahsuai kerana memerlukan ruang tamu dan bilik tidur yang lebih luas sebagai persediaan tuan rumah sekiranya menerima kunjungan tetamu khususnya saudara-mara yang datang dari KABD. Ini kerana, secara tradisinya orang-orang Melayu Brunei akan menginap di rumah saudara-mara mereka selama beberapa hari apabila datang berziarah.

Rumah-rumah yang dibina secara berperingkat-peringkat sebanyak 43.3% dibina secara gotong-royong dan dibina sendiri oleh tuan rumah tersebut. Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini, gotong-royong hanya dilakukan pada peringkat awal iaitu ketika mendirikan tiang rumah dan memasang kerangka rumah. Pembinaan

seterusnya seperti memasang atap, melantai dan memasang dinding dilakukan sendiri oleh tuan rumah.

Perkara yang sama juga berlaku kepada 40.4% rumah lagi. Bagaimanapun pembinaan rumah-rumah ini turut diupah atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah. Dalam pada itu, terdapat sebanyak 8.7% rumah yang dibina secara gotong-royong pada peringkat awal kemudian diupah atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah. Sebanyak 2.9% rumah pembinaannya diupah atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah sepenuhnya. Manakala 1.0% rumah lagi pembinaannya dilakukan oleh tukang-tukang rumah dan juga tuan rumah itu sendiri. Peratusan ini menunjukkan, walaupun pada masa kini orang-orang Melayu Brunei di KSK masih mengekalkan amalan bergotong-royong dan tolong-menolong dalam membina rumah, budaya upah telah dipraktikkan oleh masyarakat kampung air itu.

Bagi rumah-rumah yang dibina sekaligus iaitu siap dalam satu masa yang ditetapkan juga mengalami perkara yang sama. Ini terbukti apabila didapati sebanyak 1.9% rumah dibina sepenuhnya oleh tukang-tukang rumah. Manakala sebanyak 2.9% lagi dibina secara gotong-royong dan diupah atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah.

Pembinaan rumah secara sekaligus jarang dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei di KSK kerana ia memerlukan modal yang besar. Di KSK sebuah rumah berharga di antara RM50,000

hingga RM120,000. Perlu dijelaskan, kesemua rumah yang dibina sekaligus di atas adalah rumah-rumah pasangan yang belum lama mendirikan rumahtangga. Rumah tersebut bersaiz kecil dengan ukuran 40 kaki panjang x 30 kaki lebar dan berharga antara RM20,000 hingga RM50,000. Pasangan yang belum lama berumahtangga gemar membina rumah secara sekaligus apabila mempunyai modal yang cukup.

Selain menggunakan wang simpanan sendiri, modal untuk membina rumah turut diperoleh melalui sumbangan dan bantuan ibu bapa, ibu bapa mentua dan adik-beradik sama ada yang tinggal di KSK atau di KABD. Ini terbukti apabila didapati sebanyak 78.8% ketua keluarga mendapat sumbangan modal membina rumah daripada ibu bapa, 53.8% daripada ibu bapa mentua, 76.9% daripada saudara-mara di KSK dan 73.1% daripada saudara-mara di KABD. Perangkaan tentang cara mendapatkan modal untuk membina rumah di KSK dapat dilihat dalam Jadual 3.2. Didapati, sebilangan kecil ketua keluarga mendapatkan modal membina rumah melalui pinjaman bank atau syarikat kewangan (5.8%) dan bantuan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) (5.8%).

Walaupun pada masa kini sebahagian besar pembinaan rumah-rumah di KSK diupah atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah, sebanyak 94.2% daripadanya diberikan kepada tukang-tukang tempatan sahaja. Hanya terdapat sebanyak 5.8% ketua keluarga yang

Jadual 3.2: Modal Untuk Membina Rumah

Modal Untuk Membina Rumah	Jumlah	Peratus
SS, SSDB dan SSDL	11	10.6
SS, SIB, SIBM, SSDL dan SSDB	11	10.6
SS, SIB dan SIBM	10	9.6
SS, SIB, SIBM dan SSDB	8	7.7
SS dan SIB	7	6.7
SS, SIB, SIBM dan SSDL	7	6.7
SS, SIB dan SSDB	7	6.7
SS, SIBM dan SSDB	7	6.7
SS dan SIBM	6	5.9
SS, SIB dan SSDL	5	4.8
SS dan PPRT	5	4.8
SS, SIBM dan SSDL	4	3.8
SS dan SSDB	4	3.8
SS dan PB	4	3.8
SS	4	3.8
SS dan SSDL	3	3.0
TDRS	1	1.0
Jumlah	104*	100

* Jumlah ini adalah setelah ditolak seramai 29 orang yang tinggal di rumah ibu bapa, 11 orang rumah ibu bapa mentua dan 6 orang rumah saudara-mara


SS = Simpanan Sendiri
 SIB = Sumbangan Ibu Bapa
 SIBM = Sumbangan Ibu Bapa Mentua
 SSDL = Sumbangan Saudara-mara Di Limbang
 SSDB = Sumbangan Saudara-mara Di Brunei
 PB = Pinjam Bank/Syarikat Kewangan
 PPRT = Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)
 TDRS = Tinggal Di Rumah Sewa

mengupahkan pembinaan rumah mereka kepada tukang-tukang rumah dari KABD. Hal ini terjadi kerana beberapa sebab sebagaimana yang dijelaskan dalam Gambar Rajah 3.1.

Berdasarkan Gambar Rajah tersebut, didapati majoriti orang Melayu Brunei di KSK (72.4%) tidak mengupah tukang-tukang dari KABD kerana bayaran upah tukang yang mahal. Ini kerana bayaran upah kepada tukang-tukang dari KABD biasanya dikira dengan nilai Dollar Brunei. Sebab-sebab lain termasuklah pembinaan rumah dilakukan sendiri oleh tuan rumah berkenaan (14.3%), saudara-mara dari KABD hanya memberi bantuan secara percuma (11.2%) dan kemahiran tukang-tukang tempatan dianggap lebih mahir berbanding tukang-tukang dari KABD (2.0%).

Bayaran upah kepada tukang-tukang rumah secara umumnya dibuat secara beransur-ansur. Begitu juga bagi sebilangan kecil ketua keluarga (5.8%) yang mengupah tukang-tukang rumah dari KABD. Wang upah dibayar dalam Ringgit Malaysia. Di KSK upah tukang-tukang rumah tidak dikira mengikut bilangan hari bekerja tetapi dikira secara kontrak bergantung kepada keluasan bahagian rumah yang dibina. Pada masa kini, upah bagi pembinaan sebuah rumah yang dikontrakkan sepenuhnya kepada tukang-tukang rumah adalah di antara RM5,000 hingga RM8,000.

Gambar Rajah 3.1: Sebab-sebab Tidak Mengupah Tukang-tukang Rumah Dari KABD



3.4 BAHAN BINAAN

Secara umum, bahan-bahan binaan yang digunakan untuk mendirikan rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK adalah sama sebagaimana bahan binaan rumah-rumah tradisi di KABD. Ini kerana, secara keseluruhan rumah telah dibina dengan menggunakan bahan-bahan binaan yang dibeli dari kilang. Pembinaan rumah-rumah di KSK menggunakan bahan-bahan binaan dari kilang sepenuhnya bermula pada tahun 1970. Hal ini selaras dengan perkembangan yang berlaku di KABD.²⁹

Bahan-bahan binaan untuk membuat rumah di KSK secara keseluruhannya dibeli dari kilang-kilang yang beroperasi di sekitar Bandar Limbang. Antaranya termasuklah kilang papan *Siok Teng-teng Timber Sdn. Bhd.*, *S.K. Oriental Sdn. Bhd.*, *Sungai Pandaruan Sawmill Sdn. Bhd.*, *Kuok Chieh Sdn. Bhd.* dan *Chai Hin Sawmill Sdn. Bhd.* Perbincangan tentang bahan-bahan binaan rumah adalah sebagaimana yang dijelaskan di bawah.

3.4.0 Bahan Binaan Atap Rumah

Sebagaimana rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD, rumah-rumah di KSK juga sebilangan besarnya menggunakan atap zink. Zink digunakan sebagai atap bahagian rumah ibu (92.3%), bahagian dapur (93.2%), bahagian serambi (90.4%), bahagian tandas dan bilik air (99.0%), bahagian pantaran dan jeti (55.8%). Penggunaan zink sebagai atap rumah menjadi pilihan

utama kerana ia bersifat tahan lama. Selain harga zink yang murah iaitu RM2.00 sekaki, cara pemasangan atap jenis ini juga lebih mudah dilakukan. Penggunaan bahan binaan lain sebagai atap rumah dapat dilihat dalam Jadual 3.3.

Berdasarkan Jadual di atas, penggunaan atap genting adalah di peringkat yang minima iaitu sebanyak 6.7% di bahagian rumah ibu, 5.8% di bahagian dapur, 6.7% di bahagian serambi dan 1.0% di bahagian bilik air dan tandas. Ini menunjukkan atap genting hanya dipasang pada bahagian-bahagian rumah yang penting dan ia hanya digunakan oleh golongan yang berpendapatan tinggi. Selain harganya yang mahal cara pemasangan atap genting memerlukan kemahiran. Oleh itu, pemasangan atap tersebut perlu diupahkan atau dikontrakkan kepada tukang-tukang rumah.

3.4.1 Bahan Binaan Dinding Rumah

Bahan binaan dinding luar rumah-rumah di KSK secara keseluruhannya menggunakan papan lidah (85.5%). Ini menunjukkan orang-orang Melayu Brunei di KSK juga mempunyai persamaan dengan orang-orang Melayu Brunei di KABD dalam memilih bahan binaan dinding rumah. Papan lidah digunakan sebagai dinding rumah kerana ia lebih mudah dipasang dan kelihatan cantik. Papan lidah dibeli dengan harga antara RM1.50 hingga RM2.00 sekaki bergantung kepada jenis dan kualiti kayu, antaranya termasuklah kayu meranti,

Jadual 3.3: Bahan Binaan Atap Rumah

Bahagian Atap Rumah	Bahan Binaan													
	Zink		Genting		Asbestos		Kanvas		Tiada Bumbung		Tiada Serambi		Tiada Jeti	
	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%
Rumah Ibu	96	92.3	7	6.7	1	1.0	0	0	0	0	0	0	0	0
Dapur	97	93.2	6	5.8	1	1.0	0	0	0	0	0	0	0	0
Serambi	94	90.4	7	6.7	0	0	0	0	1	1.0	2	1.9	0	0
Bilik Air & Tandas	103	99.0	1	1.0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jeti	58	55.8	0	0	0	0	2	1.9	20	19.2	0	0	24	23.1

kapur dan seraya. Lain-lain jenis bahan binaan dinding luar rumah-rumah di KSK dapat dilihat dalam Jadual 3.4.

Bahagian dinding dalam rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK sebahagian besarnya menggunakan papan lapis (89.4%). Menurut penduduk kampung, pemasangan dinding dalam rumah mula dilakukan pada rumah-rumah di KSK sejak awal tahun 1980-an. Kaedah pemasangan dinding dalam rumah mula menjadi ikutan orang-orang Melayu Brunei di KSK setelah mereka melihat rumah saudara-mara mereka di KABD. Dinding dalam rumah dipasang dengan tujuan untuk mencantikkan bahagian dinding dalam rumah terutamanya ruang tamu dan bilik tidur.

Bahan binaan dinding rumah berbeza dengan bahan binaan dinding bilik air dan tandas. Majoriti bilik air dan tandas pada rumah-rumah di KSK menggunakan zink sebagai dinding iaitu sebanyak 46.1%. Selebihnya 28.8% menggunakan kombinasi papan dan zink, 20.2% papan, 2.9% kombinasi asbestos dan zink, 1.0% asbestos dan 1.0% kombinasi asbestos dan papan. Peratusan ini menunjukkan, walaupun bilik air dan tandas merupakan bahagian rumah yang penting, tetapi ia tidak dibina dengan menggunakan bahan binaan berkualiti tinggi. Perlu dijelaskan, sebahagian besar daripada bahan binaan yang digunakan pada bilik air dan tandas adalah lebih bahan binaan rumah.

Jadual 3.4: Bahan Binaan Dinding Rumah

Bahan Binaan	Dinding Luar Rumah		Dinding Dalam Rumah		Bilik Air & Tandas	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Papan Lidah	89	85.5	0	0	0	0
Papan	9	8.6	0	0	21	20.2
Papan Lapis	3	2.9	93	89.4	0	0
Asbestos	0	0	0	0	1	1.0
Zink	0	0	0	0	48	46.1
Papan Lidah dan Asbestos	1	1.0	0	0	0	0
Papan Lapis dan Asbestos	1	1.0	3	2.9	0	0
Papan Lidah dan Zink	1	1.0	0	0	0	0
Papan dan Zink	0	0	0	0	30	28.8
Papan dan Asbestos	0	0	0	0	1	1.0
Asbestos dan Zink	0	0	0	0	3	2.9
Tidak Berdinding	0	0	8	7.7	0	0

3.4.2 Bahan Binaan Tiang Rumah

Rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK sebahagian besarnya (84.6%) menggunakan kayu belian sebagai tiang rumah. Selain itu, bahan binaan lain yang digunakan adalah tiang konkrit (8.7%), kombinasi kayu belian dan konkrit (3.8%) dan kombinasi kayu belian dan kayu lain-lain jenis (2.9%). Perangkaan tentang bahan binaan tiang rumah dapat dilihat dalam Jadual 3.5.

Penggunaan kayu belian sebagai tiang rumah merupakan satu perkara yang lumrah bagi rumah-rumah di KSK dan KABD. Penggunaan kayu belian sebagai tiang-tiang rumah di kedua kampung air tersebut merupakan sesuatu yang istimewa dan sesuatu yang berlainan dengan rumah-rumah di darat. Ini kerana kayu belian mempunyai sifat berbeza dengan kayu-kayu lain di mana ia menjadi semakin tahan apabila lebih lama terendam di dalam air.

Di KSK, penggunaan tiang konkrit hanya bermula pada tahun 1984, iaitu selepas orang-orang Melayu Brunei di KABD menggunakan bahan binaan tersebut sebagai tiang rumah. Bagaimanapun, pada masa kini penggunaan tiang konkrit masih di peringkat minima.

Selain tiang-tiang utama rumah, sebilangan besar kayu belian (91.3%) digunakan sebagai tiang bilik air dan tandas. Selebihnya adalah bilik air dan tandas yang menggunakan tiang konkrit (1.9%), kayu lain-lain jenis (1.9%) dan kombinasi kayu belian dan kayu

Jadual 3.5: Bahan Binaan Tiang Rumah

Bahagian Tiang Rumah	Bahan Binaan											
	Kayu Belian		Konkrit		Kayu Lain-lain Jenis		Kayu Belian & Konkrit		Kayu Belian & Kayu Lain-lain Jenis		Tiada Jati	
	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%
Rumah Ibu	88	84.6	9	8.7	0	0	4	3.8	3	2.9	0	0
Dapur	88	84.6	9	8.7	0	0	4	3.8	3	2.9	0	0
Serambi	88	91.3	9	8.7	0	0	4	3.8	0	0	0	0
Bilik Air & Tandas	95	91.3	2	1.9	2	1.9	0	0	5	1.9	0	0
Jeti	70	67.3	0	0	0	0	0	0	14	13.5	20	19.2

lain-lain jenis (4.8%). Perangkaan ini menunjukkan walaupun bilik air dan tandas menggunakan dinding lebihan bahan binaan rumah, tetapi ia menggunakan tiang dari jenis yang baik. Ini kerana bahagian bilik air dan tandas sering basah menyebabkan bahan binaan khususnya papan lantai dan dinding lebih cepat mengalami kerosakan. Dengan menggunakan tiang yang tahan lama, tuan rumah hanya perlu menggantikan bahagian lantai dan dinding yang rosak sahaja.

Oleh kerana jeti menjadi tempat penting untuk turun naik ke bot, majoriti rumah (67.3%) telah menggunakan kayu belian sebagai tiang-tiang jeti. Sebilangan kecil rumah (13.5%) pula menggunakan kombinasi kayu belian dan kayu lain-lain jenis sebagai tiang-tiang jeti.

3.5 SAIZ RUMAH

Rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK sebilangan besarnya (70%) mempunyai saiz yang luas. Secara purata sebuah rumah mempunyai saiz berukuran 100 kaki panjang x 50 kaki lebar. Ini menunjukkan keluasan rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK adalah setanding dengan rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Rumah-rumah bersaiz besar ini adalah rumah-rumah lama yang berusia lebih 20 tahun. Kebanyakannya merupakan rumah yang sudah kerap kali diubahsuai atau ditokok tambah.

Selain di atas, terdapat sebanyak 20% rumah mempunyai saiz yang sederhana berukuran 60 kaki panjang x 30 kaki lebar. Rumah-rumah ini sebilangannya merupakan rumah-rumah lama

berusia lebih 20 tahun dan sebilangan lagi adalah rumah-rumah yang belum begitu lama berusia lebih 10 tahun. Bagi rumah-rumah lama kebanyakannya juga telah diubahsuai atau ditokok tambah.

Selebihnya sebanyak 10% rumah di KSK adalah rumah-rumah bersaiz agak kecil berukuran 40 kaki panjang x 30 kaki lebar. Rumah-rumah ini sebilangan besarnya berusia tidak lebih 10 tahun dan belum pernah diubahsuai atau ditokok tambah.

Saiz rumah-rumah di KSK bergantung kepada jumlah bilik yang terdapat di dalam rumah tersebut. Perangkaan tentang bilangan bilik mengikut bilangan keluarga dalam rumah ditunjukkan dalam Jadual 3.6. Majoriti rumah di KSK (80.8%) mempunyai bilik tidur di antara tiga hingga enam buah. Bilangan bilik tidur yang banyak terjadi kerana orang-orang Melayu Brunei di KSK mengamalkan keluarga besar. Ini terbukti apabila didapati sebanyak 26% rumah dihuni oleh sebanyak dua keluarga, 16.3% tiga keluarga, 1.9% empat keluarga dan 1.9% lima keluarga.


3.6 REKABENTUK RUMAH

Rekabentuk rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK adalah sebagaimana rekabentuk rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Keseluruhan rumah berbentuk segiempat tepat atau segiempat bujur. Gambar Rajah 3.2 menunjukkan pelan pandangan atas sebuah rumah di KSK yang berukuran 100 kaki panjang x 50 kaki

Jadual 3.6: Bilangan Bilik Mengikut Bilangan Keluarga Dalam Rumah

Bilangan Bilik	Bilangan Keluarga					Jumlah	Peratus
	Satu	Dua	Tiga	Empat	Lima		
1 - 2 Buah	11	2	0	0	0	13	12.5
3 - 4 Buah	33	9	4	1	0	47	45.2
5 - 6 Buah	10	14	10	1	2	37	35.6
7 - 8 Buah	2	1	3	0	0	6	5.8
9 - 10 Buah	0	1	0	0	0	1	1.0
Jumlah	56	27	17	2	2	104	100
Peratus	53.8	26.0	16.3	1.9	1.9	100	-

Gambar Rajah 3.2: Pelan Pandangan Atas Rumah Orang Melayu Brunel Di KSK



lebar. Berdasarkan pelan tersebut, bahagian-bahagian rumah terdiri daripada ruang tamu, ruang tengah, ruang dapur, bilik tidur, bilik rehat, bilik setor, bilik air, tandas dan serambi. Bahagian hadapan rumah dibina pantaran dan jeti.

Ruang tamu merupakan bahagian yang dianggap paling penting dalam rumah orang-orang Melayu Brunei. Ini kerana ruang tamu merupakan bahagian pertama yang akan dilihat sekiranya rumah tersebut dikunjungi oleh saudara-mara atau jiran tetangga. Ruang tamu merupakan tempat untuk memperlihatkan kemampuan penghuni rumah berkenaan. Oleh itu, bahagian ruang tamu mempunyai saiz yang luas dan dibuat lebih menarik berbanding bahagian-bahagian lain.

Berdasarkan pelan pandangan atas rumah orang-orang Melayu Brunei KSK di atas, bahagian ruang tamu rumah adalah "L shape". "L shape" terjadi kerana rumah secara umumnya mempunyai bahagian serambi. Dari segi keluasan, ruang tamu berukuran 25 kaki panjang x 12 kaki lebar.

Bahagian atas ruang tamu dipasang siling asbestos yang mempunyai corak-corak menarik. Bahagian dinding dalam ruang tamu ditutup dengan papan lapis yang mempunyai corak dan jalur yang cantik. Bahagian lantai ruang tamu dilapisi tikar getah pelbagai corak dan warna yang terang. Lapisan tikar getah tersebut ditutup dengan permaidani sederhana tebal atau tebal yang bercorak bunga-bunga. Set kerusi atau set sofa diletakkan di atas permaidani berkenaan.

Bahagian ruang tamu bersambung terus dengan ruang tengah. Bahagian ruang tengah menghubungkan ruang tamu dengan ruang dapur. Saiz ruang tengah adalah ditentukan oleh bilangan bilik dalam rumah. Bahagian atas ruang tengah dipasang siling asbestos berwarna putih. Manakala bahagian lantai ditutupi dengan tikar getah. Di bahagian tepi (dinding) ruang tengah ini diletakkan almari hiasan. Di atas almari hiasan tersebut diletakkan set televisyen dan pemain cakera padat untuk kegunaan ahli keluarga dalam rumah itu.

Bahagian ruang dapur mempunyai saiz berukuran 25 kaki panjang x 12 kaki lebar. Bahagian atas ruang dapur tidak dipasang siling. Sebahagian lantai ruang dapur ditutupi dengan tikar anyaman. Di bahagian ruang dapur terdapat satu atau dua set meja makan. Oleh kerana rumah dihuni oleh lebih dari sebuah keluarga, ruang dapur mempunyai dapur memasak lebih dari satu. Begitu juga peralatan-peralatan lain seperti peti sejuk, mesin basuh, cerek dan periuk elektrik.

Kebanyakan rumah (81%) orang-orang Melayu Brunei di KSK mempunyai bilik tidur sebanyak tiga hingga enam buah. Saiz bagi setiap bilik tidur berukuran 20 kaki panjang x 12 kaki lebar. Bilik-bilik tidur ini dibina sederet di bahagian sebelah dalam rumah sahaja. Ini bertujuan supaya terdapat ruang yang luas pada bahagian ruang tengah untuk kemudahan ketika mengadakan majlis kenduri-kendara. Ciri ini adalah seperti yang terdapat pada rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Tiap-tiap bilik tidur akan dipasang

tingkap. Dengan demikian rumah-rumah orang Melayu Brunei di KSK mempunyai bilangan tingkap yang banyak.

Dinding di bahagian dalam bilik tidur juga ditutup dengan papan lapis. Sebilangan rumah mempunyai dinding bilik tidur yang dicat dengan warna kuning air atau putih. Di bahagian atas ruang bilik tidur dipasang siling asbestos berwarna putih. Manakala pada bahagian lantai dilapisi dengan tikar getah pelbagai corak dan warna.

Oleh kerana orang-orang Melayu Brunei di KSK mengamalkan keluarga besar, rumah mempunyai sekurang-kurangnya dua buah bilik air dan tandas. Bilik air dan tandas secara umumnya dibina bersebelahan. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab dua, bilik air dan tandas dibina di bahagian tepi rumah di kawasan yang sentiasa berair. Saiz bilik air adalah berukuran 5 kaki panjang x 8 kaki lebar. Saiz tersebut lebih besar berbanding saiz tandas yang kebanyakannya berukuran 5 kaki panjang x 5 kaki lebar. Ini kerana bilik air juga berfungsi sebagai bilik membasuh pakaian.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, rumah-rumah di KSK mempunyai serambi. Saiz serambi berukuran 20 kaki panjang x 12 kaki lebar. Bahagian serambi dipasang tangga yang bersambung dengan pantaran. Ini kerana kedudukan lantai serambi selaras dengan lantai rumah, manakala pantaran selaras dengan jeti. Jarak di antara lantai serambi dengan pantaran adalah tiga kaki.

Bahagian pantaran biasanya mempunyai ukuran panjang selaras dengan ukuran lebar rumah. Secara purata pantaran

berukuran 50 kaki panjang x 20 kaki lebar. Sebilangan rumah telah memasang bumbung pada bahagian pantaran. Pantaran yang berbumbung biasanya turut dipagari dengan kayu beluti yang dipasang secara berjajar atau bersilang. Di bahagian penjuru pantaran tersebut dibina tempat rehat yang terdiri daripada meja dan bangku kayu yang dibuat sendiri atau oleh penghuni rumah berkenaan. Ampaian untuk menjemur pakaian turut didirikan di bahagian tengah pantaran. Bagi rumah-rumah milik tukang perahu atau bot bahagian pantaran ini dijadikan sebagai bengkel.

Untuk mengindahkan bahagian hadapan rumah, sebilangan penghuni telah meletakkan deretan pokok bunga di dalam pasu di bahagian tepi atau penjuru serambi. Perkara yang sama turut dilakukan di sepanjang bahagian tepi pantaran. Pokok-pokok bunga yang ditanam antaranya termasuklah pokok bunga kertas, pokok bunga ros dan pokok bunga matahari. Menanam pokok bunga dalam pasu bagi menghiasi bahagian serambi dan pantaran rumah sebenarnya adalah kegemaran orang-orang Melayu Brunei di KSK dan juga di KABD.

Rekabentuk rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK adalah ditentukan oleh tiang-tiang rumah. Oleh yang demikian, rumah telah ditentukan rekabentuknya bermula dari peringkat mendirikan tiang lagi. Perlu dijelaskan, kestabilan dan kekuatan rumah-rumah di kampung air adalah bergantung kepada kedudukan tiang-tiang rumah.

Sebuah rumah mempunyai tiang di antara 16 hingga 20 batang. Tiang-tiang rumah ini didirikan mengikut ukuran jarak yang dibahagi sama rata bergantung kepada saiz rumah. Kebiasaannya jarak tiang-tiang rumah adalah antara 10 kaki hingga 20 kaki. Paras ketinggian tiang-tiang rumah dari bahagian lumpur hingga ke lantai rumah ditentukan oleh paras ketinggian air sungai pasang. Di KSK, paras air sungai pasang mencecah ketinggian antara lima hingga enam kaki.³⁰

Paras ketinggian tiang dari bahagian lumpur ke bahagian lantai rumah secara purata adalah lapan kaki. Sementara itu, bahagian tiang yang tertanam dalam lumpur kira-kira tiga kaki, manakala ketinggian tiang dari aras lantai rumah hingga ke bahagian penutup adalah sembilan kaki. Dengan itu, rumah-rumah di KSK menggunakan tiang-tiang yang mempunyai ukuran panjang sekurang-kurangnya 20 kaki.

Tiang-tiang rumah juga menentukan perkembangan rumah tersebut. Umpamanya, tuan rumah yang hendak membina bilik tidur tambahan hanya perlu memasang dinding bilik tersebut mengikut tiang-tiang rumah yang sedia ada. Untuk menambahkan bilangan bilik, mereka tidak akan mendirikan tiang-tiang baru dan menyambungkan bahagian yang dibina tersebut dengan rumah lama. Ini kerana, penambahan dengan cara demikian boleh menyebabkan ketidakseimbangan rumah berlaku. Oleh yang demikian, penduduk KSK telah merancang secara teliti pelan pembinaan rumah mereka


dengan mengambil kira perancangan-perancangan untuk penambahan bilik atau lain-lain bahagian pada masa akan datang.

Rekabentuk dinding rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK juga memperlihatkan persamaan yang jelas dengan rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Ini dapat dilihat dari segi pemasangan dinding yang terdapat pada rumah-rumah di kedua kampung air itu. Pemasangan dinding luar di bahagian kanan dan kiri tingkap rumah dibuat secara melintang, manakala di bahagian atas dan bawah tingkap rumah tersebut dibuat secara menegak. Gambaran yang lebih jelas tentang pemasangan dinding rumah di KSK dapat dilihat dalam Gambar 3.0 (Rumah En. Suhaili Hj. Ahmad).

Rekabentuk dinding di sebelah dalam rumah pula memperlihatkan permukaan yang lebih halus kerana dilapisi dengan papan lapis. Papan lapis ini dipasang secara menegak keseluruhannya. Ia dipasang demikian kerana mengikut corak dan jalur yang terdapat pada papan lapis berkenaan.

Selain menjadikan bahagian dalam rumah khususnya ruang tamu dan bilik tidur kelihatan lebih kemas dan menarik, papan lapis dipasang untuk menutup ruang-ruang udara yang terdapat di celah-celah dinding bagi membolehkan penghawa dingin di pasang. Untuk mencantikkan lagi dinding dalam rumah, sebahagiannya dilapisi dengan *wall paper* yang mempunyai pelbagai corak dan warna. Sebahagian lagi dicat dengan warna-warna yang cerah seperti putih, hijau muda, biru muda dan kuning air.

Gambar 3.0: Menunjukkan Rekabentuk Dinding Rumah Melayu Brunei Di KSK




Dinding di sebelah luar rumah pula dicat dengan warna yang terang atau warna yang garang. Dari segi perangkaan, warna cat yang digunakan pada rumah-rumah di KSK dapat dilihat dalam Gambar Rajah 3.3. Berdasarkan Gambar Rajah tersebut, warna cat rumah yang paling digemari ialah biru, putih, hijau, kuning air, coklat, kuning dan coklat muda.


Dari segi rekabentuk bumbung rumah, ia terdiri daripada tiga jenis iaitu bumbung rumah Melayu atau 'belah bubung', bumbung 'putong limas' dan bumbung 'rumah tungkup'. Ketiga-tiga jenis bumbung rumah tersebut merupakan rekabentuk bumbung rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD.³¹ Gambar Rajah 3.4, 3.5 dan 3.6 masing-masing menunjukkan rekabentuk bumbung rumah Melayu atau 'belah bubung', 'putong limas' dan 'rumah tungkup'.

Rekabentuk bumbung rumah Melayu atau 'belah bubung' lebih dominan di KSK iaitu sebanyak 76%. Menurut Hj. Ahmad Jamaluddin³², rekabentuk bumbung jenis ini lebih mudah dibina dan ia menggunakan bilangan tulang bumbung yang sedikit serta zink yang dipasang tidak perlu dipotong kerana ukurannya telah ditentukan semasa membeli zink berkenaan. Manakala rekabentuk bumbung 'putong limas' sebanyak 22% dan 'rumah tungkup' sebanyak 2.0% menggunakan bilangan tulang bumbung yang lebih dan zink perlu dipotong untuk disesuaikan dengan bahagian 'penyirung'.³³ Secara


Gambar Rajah 3.3: Warna Cat Yang Digunakan Pada Rumah-rumah DI KSK




Gambar Rajah 3.4: Rekabentuk Bumbung Rumah Melayu



Gambar Rajah 3.5: Rekabentuk Bumbung Rumah Puntung Limas



Gambar Rajah 3.6: Rekabentuk Bumbung Rumah Tungkup



relatif, kos pembinaan bagi bumbung yang menggunakan rekabentuk rumah Melayu atau 'belah bubung' adalah lebih murah berbanding bumbung 'putong limas' atau 'rumah tungkup'.³⁴

3.7 PINTU, TINGKAP DAN TANGGA

Sebagaimana rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD, keseluruhan rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK juga menggunakan pintu daun papan. Secara perangkaan, jenis pintu dan tingkap rumah yang terdapat pada rumah-rumah di KSK dapat dilihat dalam Jadual 3.7. Pintu daun papan terbahagi kepada empat iaitu pintu daun papan biasa (80.8%), pintu daun papan berukir (11.5%), pintu daun papan biasa dengan grill besi (1.9%) dan pintu daun papan berukir dengan grill besi (1.0%). Bagi rumah-rumah yang lebih moden, pintu cermin *sliding door* (1.9%) dan pintu cermin *sliding door* dengan grill besi (2.9%) digunakan. Ini menunjukkan selain pengaruh rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD, pengaruh rumah moden turut dapat dilihat pada rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK.

Perlu dijelaskan sebilangan besar pintu daun di atas adalah pintu daun kahwin. Bingkai pintu diperbuat daripada beluti berukuran 2 inci tebal x 3 inci lebar. Saiz pintu secara purata berukuran 3 kaki lebar x 7 kaki tinggi. Daun pintu diperbuat daripada papan lidah yang disusun kemas secara menegak dan dipaku. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Brunei, semasa memaku

Jadual 3.7: Jenis Pintu dan Tingkap Rumah

Jenis Pintu Rumah	Jumlah	Peratus
Pintu Daun Papan Biasa	84	80.8
Pintu Daun Papan Berukir	12	11.5
Pintu Cermin <i>Sliding Door</i> Dengan Grill Besi	3	2.9
Pintu Daun Papan Biasa Dengan Grill Besi	2	1.9
Pintu Cermin <i>Sliding Door</i>	2	1.9
Pintu Daun Papan Berukir Dengan Grill Besi	1	1.0
Jenis Tingkap Rumah	Jumlah	Peratus
Tingkap Cermin Nako	80	76.9
Tingkap Cermin Nako Dan <i>Sliding Window</i>	7	6.7
Tingkap Daun Cermin Dan Cermin Nako	6	5.8
Tingkap Cermin <i>Sliding Window</i>	5	4.8
Tingkap Cermin Nako Dan Daun Papan	3	2.9
Tingkap Daun Papan	2	1.9
Tingkap Daun Cermin	1	1.0

daun pintu, paku tidak boleh diketuk terus dengan kuat. Paku hendaklah diketuk secara perlahan terlebih dahulu sebanyak tiga kali, kemudian barulah diketuk dengan kuat. Ini bertujuan supaya pintu yang dipasang benar-benar kuat dan mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku kepada tuan rumah dan ahli keluarganya, umpamanya rumah dimasuki pencuri.³⁵

Dari segi tingkap rumah, pada masa kini rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK tidak lagi menggunakan tingkap yang dikenali sebagai 'tabuk bertongkat'.³⁶ Didapati sebanyak 76.9% rumah di KSK telah menggunakan tingkap cermin nako. Selebihnya menggunakan kombinasi tingkap cermin nako dan *sliding window* (6.7%), kombinasi tingkap daun cermin dan tingkap cermin nako (5.8%), tingkap cermin *sliding window* (4.8%), kombinasi tingkap cermin nako dan daun papan (2.9%), tingkap daun papan (1.9%) dan tingkap daun cermin (1.0%). Peratusan ini menunjukkan, berbanding pintu rumah, tingkap rumah lebih memperlihatkan pengaruh rumah-rumah moden seperti yang terdapat pada kebanyakan rumah di daratan.

Sebagaimana bingkai pintu, bingkai tingkap juga diperbuat daripada kayu beluti berukuran 2 inci tebal x 3 inci lebar. Saiz bingkai tingkap secara purata 6 kaki lebar x 4 kaki tinggi. Oleh kerana kebanyakan rumah menggunakan tingkap cermin nako, bingkai tingkap ini dibahagikan kepada dua atau tiga bahagian. Setiap bahagian akan berukuran 2 kaki lebar x 4 kaki tinggi atau 3 kaki lebar x

4 kaki tinggi. Oleh kerana rumah telah menggunakan tingkap moden, tiada petua-petua atau pantang larang yang dipraktikkan semasa memasang tingkap tersebut. Semua tingkap rumah dihiasi dengan langsir-langsir pelbagai corak dan warna yang kebanyakannya memperlihatkan citarasa masyarakat moden.

Secara umum (94.2%) rumah-rumah orang Melayu Brunei mempunyai tangga. Tangga dipasang pada bahagian serambi dan bahagian jeti. Pada bahagian jeti, tangga menggunakan jenis kayu keras biasanya kayu belian kerana sebahagian tangga akan berada di air.

Tangga bahagian serambi menggunakan kayu yang lebih lembut biasanya kayu meranti atau kayu kapur.³⁷ Ini kerana ia akan ditebuk lubang untuk menempatkan anak-anak tangga yang juga diperbuat daripada jenis kayu yang sama. Saiz beluti biasanya 2 inci tebal x 4 inci lebar. Kebiasaannya jumlah anak tangga menggunakan angka yang ganjil seperti tiga dan lima. Anak-anak tangga akan dipasang dengan cara memasukkannya ke dalam lubang yang sudah ditebuk pada kayu tangga.

Lubang di bahagian anak tangga yang paling atas dan yang paling bawah adalah tembus bagi membolehkan hujung anak tangga tersebut terkeluar. Pada hujung anak tangga yang terkeluar itu dipasang pasak supaya tangga tidak terbuka dan bergerak.³⁸ Pada hari ini teknik penggunaan pasak pada tangga rumah terdapat pada

sebilangan kecil rumah sahaja. Ini kerana teknik pemasangan anak tangga pada kayu tangga telah menggunakan paku besi.


Tangga di bahagian jeti menggunakan kayu beluti bersaiz 2 inci tebal x 3 inci lebar. Oleh kerana tangga tersebut menggunakan kayu keras, anak-anak tangga dipasang pada kayu tangga dengan menggunakan teknik tanggam lekap. Tanggam tersebut dipaku untuk memastikan setiap bahagian tanggam tidak tercabut. Biasanya tangga di bahagian jeti mempunyai bilangan anak tangga sebanyak lima hingga tujuh anak tangga.

Mengikut petua orang-orang Melayu Brunei, pada bahagian kepala tangga baru yang sedia digunakan hendaklah dipakaikan 'kopiah' yang diperbuat daripada daun nipah. 'Kopiah' tersebut dipakaikan selama dua atau tiga hari.³⁹

3.8 SENIBINA RUMAH

Senibina rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK dapat dilihat dari segi ukiran-ukiran rumah. Pada bahagian serambi rumah terdapat ukiran-ukiran dan arca yang berbentuk seperti dom masjid sebagaimana yang dapat dilihat dalam Gambar 3.1 (Rumah Hj. Mohammad Abu Bakar). Tiang-tiang serambi pula berbentuk silinder atau lapan segi. Tiang serambi mempunyai ukiran-ukiran yang mudah seperti corak bunga-bunga, lilin atau gelang yang diukir pada bahagian bawah (lantai), bahagian tengah dan bahagian atas tiang tersebut.

Gambar 3.1: Senibina Bahagian Serambi Rumah Orang Melayu Brunei KSK Yang Mempunyai Arca Berbentuk Dom Masjid



Untuk mengindahkan lagi senibina rumah, bahagian serambi turut dipagari dengan kayu beluti berukir yang dipasang secara berjajar atau dipasang secara bersilang seperti huruf 'x'. Pagar ini dikenali sebagai 'pagar ranggalung'.⁴⁰ Pada bahagian pintu 'pagar ranggalung', tiang pintu biasanya berbentuk silinder atau segi enam. Kepala tiang tersebut diukir dengan ukiran bentuk bulat, segi lapan, dom masjid atau bunga.

Pada dinding serambi tersebut terutamanya di bahagian atas pintu utama masuk ke rumah digantungkan dengan ukiran bertulis 'Assalamualaikum' atau 'Bismillahirrahmanirrahim'. Selain itu, dinding serambi turut digantungkan dengan ayat-ayat al Quran tertentu seperti 'Ayat Kursi', 'Ayat Seribu Dinar', 'Ayat Tiga Kul', Surah al-Fatihah, Surah al-Wakiah dan Surah Yassin. Ukiran tulisan di atas bukan semata-mata sebagai hiasan dinding serambi tetapi bertujuan untuk mengingatkan orang yang hendak masuk ke rumah supaya memberi salam atau membaca 'Bismillahirrahmanirrahim' terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah. Sementara itu ayat dan surah-surah yang digantung adalah bertujuan untuk menghalang syaitan atau hantu daripada memasuki rumah.

Perkara yang sama turut dilakukan pada bahagian dinding dalam rumah. Bahagian tersebut digantungkan dengan gambar-gambar seperti, Masjidil Haram, Masjid Nabawi, Jabal Rahmah dan gambar umat Islam sedang bertawaf di Ka'bah atau sedang berwukuf di Padang Arafah. Gambar-gambar ini sebahagian

besarnya adalah pemberian saudara-mara yang pulang dari menunaikan fardhu haji.

Bagi rumah pemimpin seperti Ketua Kampung, Pengerusi Surau dan rumah orang-orang berpengaruh, sijil pendidikan, sijil penghargaan serta gambar-gambar bersama orang-orang kenamaan seperti menteri, wakil rakyat dan residen turut digantungkan pada bahagian dinding dalam rumah khususnya di ruang tamu. Selain itu, gambar-gambar ahli keluarga ketika berkumpul, berkelah atau sedang mengadakan majlis hari jadi turut digantungkan bersama-sama ukiran bunga-bunga yang ditingkatkan.

Bahagian atas tingkap rumah orang-orang Melayu Brunei juga diukir dengan ukiran bunga-bunga, arca berbentuk seperti bulan separuh atau dom masjid. Sebilangan rumah pula pada bahagian tersebut dipasang tetingkat. Ukiran-ukiran yang sama juga dapat dilihat pada bahagian atas pintu utama dan pintu-pintu bilik. Pada bahagian daun pintu juga terdapat ukiran corak moden. Sebilangan rumah pada pintu berkenaan dipasang grill besi yang mempunyai bentuk bunga-bunga.

Ukiran, tulisan, ayat, surah dan gambar-gambar di atas menggambarkan identiti sebuah rumah orang Islam. Ini menunjukkan rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK juga seperti rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD yang menerapkan unsur-unsur senibina Islam.

3.9 PERABOT DAN PERHIASAN RUMAH

Bagi orang-orang Melayu Brunei, perabot dan perhiasan rumah merupakan perkara penting yang perlu disediakan dalam sebuah rumah. Ini kerana perabot dan perhiasan rumah menjadi perkara penting untuk menyambut dan melayani saudara-mara yang datang berziarah. Menurut penduduk kampung, saudara-mara yang datang berziarah perlu diberi layanan yang baik dan kemudahan yang selesa kerana perkara tersebut merupakan perbuatan yang digalakkan oleh Islam.⁴¹

Secara purata, setiap rumah memiliki dua set kerusi atau set sofa di bahagian ruang tamu. Set tersebut, satu untuk tetamu lelaki dan satu lagi untuk tetamu perempuan. Pembahagian tetamu lelaki dan tetamu perempuan adalah bertujuan untuk mengelakkan pergaulan di antara kaum lelaki dan kaum perempuan yang bukan muhrim. Perkara ini sebenarnya merupakan adat yang sangat dipentingkan oleh orang-orang Melayu Brunei terutamanya dalam menentukan ruang dalam rumah.⁴² Menurut Hj. Ibrahim Kadir⁴³, dengan cara tersebut kaum lelaki dapat bercerita atau berbincang tentang hal orang lelaki sahaja begitu juga sebaliknya bagi kaum perempuan.

Set kerusi dan set sofa di atas setiap satu berharga di antara RM800 hingga RM6000. Set tersebut terdiri daripada buatan tempatan dan yang diimport seperti dari Indonesia, Itali dan Amerika Syarikat. Oleh kerana set ini berharga agak mahal ia hanya di

gunakan sekali-sekala terutamanya bila menerima kunjungan tetamu. Pada waktu-waktu biasa penduduk KSK lebih gemar berehat di bahagian serambi atau pantaran rumah sambil bersembang dengan ahli keluarga atau jiran tetangga. Di bahagian serambi, selain dapat menghirup udara segar mereka dapat menikmati pemandangan di Bandar Limbang dan bot-bot yang lalu di Sungai Limbang.

Selain set kerusi dan set sofa, almari hiasan juga diletakkan di bahagian ruang tamu. Almari hiasan ini digunakan untuk mempamerkan koleksi tuan rumah. Di bahagian atas almari tersebut diletakkan perhiasan yang terdiri daripada bekas telur majlis perkahwinan, barang-barang lama, pingat-pingat, model kereta dan gambar-gambar ahli keluarga yang dibingkakan. Bahagian dalam almari pula diletakkan set pinggan mangkuk yang berharga mahal.

Bagi penggemar ikan hiasan, akuarium bersaiz sederhana atau besar diletakkan di salah satu bahagian penjuru ruang tamu. Bahagian penjuru ruang tamu juga diletakkan pokok-pokok bunga dalam pasu sama ada pokok bunga plastik atau bunga hidup.

Bilik tidur dilengkapi dengan katil, almari pakaian dan meja dandan. Perabot dalam bilik tidur tidak begitu jelas cirinya, kerana ada yang melengkapkannya dengan perabot moden dan ada yang melengkapkannya dengan perabot antik.

Di bahagian ruang dapur, set kerusi makan yang digunakan juga ada yang moden dan ada yang antik. Sebilangannya merupakan perabot yang dibuat sendiri oleh tuan rumah berkenaan.

Bahagian dapur rumah-rumah di KSK dilengkapi dengan rak pinggan mangkuk pelbagai bentuk dan warna. Kebanyakan rumah melengkapi dan menghiasi bahagian dapur dengan kabinet dan almari menyimpan makanan. Selain itu, kabinet tersebut juga digunakan untuk menyimpan dan mempamerkan set pinggan mangkuk yang hanya akan digunakan apabila mengadakan majlis-majlis tertentu dan hari raya. Segala set pinggan mangkuk yang disimpan di dalam kabinet tersebut merupakan barangan berjenama dan berharga mahal seperti *arcopal* dan *arcoroc*.

Keseluruhan suri rumah di KSK telah menggunakan dapur gas dan dapur elektrik untuk memasak. Bagi rumah-rumah yang dihuni oleh lebih satu kelamin, bahagian dapur akan dilengkapi dengan dua atau tiga buah dapur gas dan pelbagai jenis peralatan memasak elektrik. Ini menunjukkan walaupun orang-orang KSK tinggal sebumbung tetapi mereka memasak dan makan secara berasingan.

Orang-orang Melayu Brunei mempunyai kegemaran memakan makanan laut. Mereka kerap melakukan kegiatan membakar ikan, udang, ketam dan lain-lain dengan menggunakan dapur kayu atau dapur arang. Dengan demikian, dapur kayu atau dapur arang secara umumnya terdapat di setiap buah rumah. Selain untuk kegiatan membakar makanan laut, dapur kayu atau dapur arang turut digunakan sebagai alternatif sekiranya kehabisan bekalan gas atau bekalan elektrik di rumah terputus. Perlu dijelaskan, penduduk

KSK mendapatkan kayu api daripada ranting-ranting kayu yang hanyut di sungai. Ranting-ranting kayu yang tersangkut pada tiang-tiang rumah atau tiang-tiang jeti sebahagiannya dikutip dan dijemur di bahagian pantaran rumah sehingga benar-benar kering untuk dijadikan kayu api.

Secara umum, perabot dan perhiasan rumah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu Brunei KSK dibeli dari syarikat-syarikat perabot yang beroperasi di Bandar Limbang. Antaranya termasuklah *Teck Wong Furnitures Sdn. Bhd.*, *Tong Seng Furnitures*, *Tat Seng Furnitures Enterprise*, *Ting Nang Kok Furniture*, *Soon Lee Furniture Maker* dan *Tiong Hin Furniture Maker*. Manakala peralatan elektrik pula dibeli dari kedai-kedai elektrik yang juga beroperasi di Bandar Limbang seperti *Choo Electrical Company*, *Lian Star Electrical Store* dan *Sen Electrical Technology*. Syarikat-syarikat perabot dan peralatan elektrik di atas berkembang pesat di Bandar Limbang kerana menerima permintaan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.

3.10 KESIMPULAN

Memandangkan kedudukan KABD terletak di Bandar Seri Begawan yang merupakan kawasan pusat, manakala KSK terletak di Bandar Limbang yang merupakan kawasan pinggir, segala perkembangan yang berlaku di pusat menjadi ikutan masyarakat di pinggir. Dengan demikian perkembangan rumah-rumah di KSK adalah

sangat dipengaruhi oleh rumah-rumah di KABD. Jarak di antara kedua kampung air tersebut yang mudah dihubungi melalui jalan air membolehkan setiap perkembangan yang berlaku terhadap rumah-rumah di KABD dapat diketahui dan dipraktikkan dengan segera oleh penduduk KSK.

Oleh kerana penduduk di kedua petempatan kampung air di atas berpegang kepada adat dan kepercayaan yang sama semasa mendirikan rumah, ini menyebabkan bentuk rumah mereka juga hampir sama. Ini dapat dilihat dari aspek fizikal rumah seperti bahan binaan, saiz, rekabentuk dan senibina. Selain itu, semangat gotong-royong dan tolong-menolong di kalangan orang-orang Melayu Brunei sama ada dari segi tenaga, buah fikiran atau material juga menyebabkan persamaan aspek fizikal rumah-rumah di KSK dengan rumah-rumah di KABD.

Tidak terbatas kepada aspek-aspek di atas, pengaruh rumah-rumah KABD juga jelas kelihatan pada kelengkapan dalam rumah, antaranya termasuklah barang perhiasan, perabot, peralatan elektrik, pinggan-mangkuk dan alas lantai. Pemilikan kelengkapan rumah tersebut bukan sahaja menunjukkan orang-orang Melayu Brunei di KSK telah mempraktikkan cara hidup moden, malah memperlihatkan kemampuan mereka untuk “duduk sama rendah berdiri sama tinggi” dengan saudara-mara mereka di KABD.

Didapati budaya kesepakatan yang wujud di antara orang-orang Melayu Brunei di KSK dengan saudara-mara mereka di

KABD dalam hal membangun rumah masih dapat dikekalkan. Ini dapat diperhatikan melalui amalan gotong-royong semasa mendirikan rumah. Amalan murni ini bukan sahaja mewujudkan semangat tolong-menolong di antara penduduk kedua kampung air di atas, malah menggambarkan hubungan baik antara rakyat Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam.

Dari segi bahan binaan, keseluruhan rumah di KSK telah pun menggunakan bahan binaan yang dibeli dari kilang. Ini memperlihatkan wujud persamaan yang jelas antara bahan binaan yang digunakan untuk mendirikan rumah di KSK dengan rumah-rumah di KABD. Umpamanya penggunaan tiang konkrit sebagai tiang rumah. Penggunaan dan teknik pembinaannya diketahui penduduk KSK selepas mereka melihat rumah-rumah di KABD menggunakan tiang konkrit berkenaan.

Selain bahan binaan, saiz rumah-rumah di KSK juga menunjukkan hubungannya dengan rumah-rumah di KABD. Rumah-rumah di KSK khususnya rumah-rumah lama yang telah diubahsuai mempunyai saiz yang luas dan bilangan bilik yang banyak. Saiz rumah yang luas dan mempunyai banyak bilik bukan sahaja bertujuan untuk menampung bilangan keluarga yang ramai, tetapi untuk menyambut saudara-mara yang datang berziarah serta menginap beberapa malam di rumah mereka.

Dari segi rekabentuk, didapati rumah-rumah lama masih mengekalkan rekabentuk asli rumah-rumah di KABD, manakala

rumah-rumah baru lebih dipengaruhi oleh rekabentuk rumah moden. Walau bagaimanapun, ilham rekabentuk rumah moden di KSK juga diperoleh daripada sebilangan rumah-rumah di KABD yang lebih dahulu menerapkan ciri-ciri rumah moden tersebut.

Selain rekabentuk rumah, senibina rumah-rumah di KSK juga mengekalkan ciri-ciri rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Dalam pada masa yang sama senibina rumah di KSK sedikit sebanyak memperlihatkan pengaruh senibina Islam. Sebaliknya dari segi perhiasan rumah, telah menunjukkan pengaruh dan citarasa moden barat.

NOTA HUJUNG

¹ Sila lihat Aisah Sahdan, "Komuniti Melayu di Kampung Burong Pingai Air: Kajian Sosioekonomi, Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 24.

² Temubual dengan Hj. Ahmad Jamaluddin. Beliau berusia 77 tahun dan merupakan 'orang lama' di KSK. Bapa beliau adalah salah seorang daripada penduduk awal yang mendiami kampung air tersebut. Sebelum tahun 1990, beliau bekerja sebagai tukang rumah secara sepenuh masa. Pada masa kini beliau telah bersara. Temubual diadakan di rumah beliau pada 09 April 2001, jam 10.30 pagi.

³ Ibid.

⁴ Untuk keterangan lanjut sila lihat Ismail Ibrahim, "Senibina Rumah Melayu Brunei: Satu Tinjauan Ringkas", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), **Kampung Ayer: Warisan, Cabaran dan Masa Depan (Kumpulan Esai Yang Pernah Diterbitkan 1970-1996)**, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, 1996, hal. 102.

⁵ Temubual dengan Hj. Kassim Matali. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga sayur-sayuran di Pasar Tamu Limbang. Beliau juga merupakan seorang tukang rumah secara sambilan di kampung air tersebut. Temubual diadakan di rumah beliau pada 04 April 2001, jam 11.30 pagi.

⁶ Untuk penjelasan lanjut lihat juga Aisah Sahdan, Op. Cit., hal. 28-29.

⁷ Temubual dengan Hj. Bongsu Mat Salleh. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai nelayan sepenuh masa. Beliau juga membuat kerja sambilan bertukang rumah di kampung air tersebut. Temubual diadakan di rumah beliau pada 01 Mac 2000, jam 5.30 petang.

⁸ Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 102.

⁹ Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir. Beliau adalah Ketua Kampung KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai kakitangan kerajaan di Majlis Daerah Limbang. Beliau juga menjalankan kerja menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di rumah beliau pada 20 April 2001, jam 5.00 petang.

- ¹⁰ Untuk mengetahui tujuh peraturan yang telah ditetapkan dalam Pekeliling No.5/1982 Pejabat Daerah Brunei Muara sila lihat, Syed Hashim Abdullah Alhabshi, "The Traditional Economic Activities in Kampong Air Brunei", Graduate Exercise, Department of Geography, National University of Singapore, 1983/1984, hal. 57.
- ¹¹ Untuk keterangan lanjut sila lihat Aisah Sahdan, Op. Cit., hal. 28-31.
- ¹² Sila lihat Alimin Abdul Hamid, "Tradisi Membangun Rumah: Khususnya Rumah Tradisional di Kampong Ayer", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), Op. Cit., hal. 111.
- ¹³ Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir, Op. Cit.
- ¹⁴ Sila lihat **Kitab Tajul Muluk**, al-Harmain, Jedah, hal. 69. (Tiada nama penulis dan tahun diterbitkan)
- ¹⁵ Temubual dengan Hj. Bongsu Mat Salleh, Op. Cit.
- ¹⁶ Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 102.
- ¹⁷ Sila lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, **Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi**, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2000, hal. 22.
- ¹⁸ **Ibid.**
- ¹⁹ Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir, Op. Cit.
- ²⁰ Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 111.
- ²¹ Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir, Op. Cit. Untuk penjelasan lebih lanjut lihat juga Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan", Laporan Penyelidikan, Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, November 1998, hal. 114. Lihat juga Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 111-112.
- ²² Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 112.
- ²³ Untuk penjelasan yang lebih lanjut sila lihat, Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 103.
- ²⁴ Penjelasan lebih lanjut tentang petua membina rumah orang-orang Melayu Brunei sila lihat, Abdul Rahman Al-Ahmadi, Op. Cit., hal. 194.

- ²⁵ Penjelasan lanjut tentang bahagian-bahagian kerangka rumah orang-orang Melayu Brunei sila lihat, Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 103-106.
- ²⁶ Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 116.
- ²⁷ Untuk penjelasan yang lebih lanjut sila lihat, Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 104.
- ²⁸ Temubual dengan Hj. Kassim Matali, Op. Cit.
- ²⁹ Untuk penjelasan lanjut tentang aspek fizikal rumah-rumah orang-orang Melayu Brunei di KABD sila lihat, Syed Hashim Abdullah Alhabshi, Op. Cit. hal. 49-50.
- ³⁰ Temubual dengan Hj. Tahir Simin. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang. Beliau juga melakukan pekerjaan menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di rumah beliau pada 25 April 2000, jam 3.00 petang.
- ³¹ Terdapat sebanyak lima jenis rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD yang dibezakan melalui bumbung rumah. Lima jenis rumah tradisi tersebut adalah 'rumah belah bumbung', 'rumah tungkup', 'rumah loteng', 'rumah putong limas' dan 'rumah belanggar'. Untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang jenis-jenis rumah di KABD sila lihat, Abdul Rahman Al-Ahmadi, **Op. Cit.**, hal. 192-193. Lihat juga, Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 82-89.
- ³² Temubual dengan Hj. Ahmad Jamaluddin, Op. Cit.
- ³³ Penjelasan lanjut tentang bahagian-bahagian bumbung 'putong limas' dan 'rumah tungkup' sila lihat, Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 85 dan 88.
- ³⁴ Temubual dengan Hj. Ahmad Jamaluddin, Op. Cit.
- ³⁵ Temubual dengan Hj. Bongsu Mat Salleh, Op. Cit.
- ³⁶ Untuk penjelasan lanjut tentang 'tabuk bertongkat' sila lihat, Alimin Abdul Hamid, Op. Cit., hal. 115. Lihat juga Ismail Ibrahim, Op. Cit., hal. 106.
- ³⁷ Untuk mengetahui jenis-jenis kayu yang biasa digunakan untuk membina rumah sila lihat, Hamidon Abdul Ralim, **Asas Pembinaan**

Rumah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal. 13-14.

³⁸ Maklumat lanjut tentang pemasangan tangga rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung air sila lihat Alimin Abdul Hamid, *Op. Cit.*, hal. 115-116.

³⁹ *Ibid.*, hal. 116.

⁴⁰ *Ibid.*, hal. 115.

⁴¹ Menurut Islam, tetamu yang datang dengan tujuan kebaikan wajib diberi layanan yang baik sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga hari. Selepas tempoh tersebut, ia tidak lagi menjadi satu kewajipan.

⁴² Penjelasan lanjut sila lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Op. Cit.*, hal. 193.

⁴³ Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir, *Op. Cit.*